



**UCAPAN PRESIDEN MSIA SEMPERA MESYUARAT AGONG KE-18
bertarikh 27 Mei 2023**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Y.Bhg Puan Sri, Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-Dr, tuan-tuan, puan-puan Ahli Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia.

Ucapan syukur dan terima kasih kepada hadirin

Dengan penuh sukacitanya, saya Presiden Pertubuhan MSIA ingin mengalu-alukan kehadiran semua secara hybrid ke mesyuarat agung pertubuhan kali ke-18.

Mesyuarat agung pada hari ini mencatatkan berakhirnya perkhidmatan Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan MSIA sesi 2021/2023 dan satu pemilihan baharu akan dibuat hari ini untuk Jawatankuasa Eksekutif 2023/2025. Dengan rasa syukur dan rendah diri, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli pertubuhan yang dapat bersama-sama kita menjayakan AGM dan pemilihan hari ini.

Misi pertubuhan MENJAGA KESEJAHTERAAN KOMUNITI terus menjadi keutamaan kita dan SIA hanya akan berjaya di arusperdanakan melalui pertubuhan yang diperkasa dan dihormati. MSIA akan terus meneraju profesionalisme SIA, yang menjadi titik rujukan penting pembuatan dasar, strategi, program dan projek.

Tujuan dan misi MSIA

MSIA pada tahun ini telah berjaya meletakkan dirinya bersama-sama badan-badan professional yang lain dengan kelulusannya sebagai Affiliate Member Balai Ikhtisas Malaysia (BIM), badan yang memayung professionals di negara ini. Kelulusan ini adalah permulaan sebelum MSIA melayakkannya menjadi ahli penuh pada

Kelulusan MSIA sebagai ahli BIM

Y.Bhg Pn Sri, Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-dr, tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita telah rancangkan sepanjang 2021-2023, kita telah berusaha melaksanakan sasaran projek dan program dengan lebih padat dan tersusun, selaras dengan objektif dan matlamat yang dirangka di bawah MSIA Vision Framework 2030. Laporan Tahunan yang akan dibentangkan nanti akan memperincikan projek dan program yang telah kita jayakan.

Pencapaian 2021-2023

Sekalung penghargaan kepada barisan Exco MSIA 2021/2023 di atas kerjasama erat, sumbangan idea dan komitmen di dalam aktiviti-aktiviti MSIA, termasuklah webinars Sembang Pagi Sabtu, Hard Talk, Simposium dan Bengkel-bengkel Latihan *best practices* yang telah kita jayakan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua exco dan ahli MSIA yang aktif menawarkan diri samada sebagai salah seorang speaker ataupun sebagai moderator bersama-sama speaker jemputan dari luar bagi menjayakan webinar bulanan MSIA.

Projek, program dan sumbangan Jawatankuasa Teknikal dan Latihan

Setinggi-tinggi penghargaan saya lafazkan kepada ahli-ahli yang telah mewakili MSIA sebagai panel penilai laporan SIA di peringkat PLANMalaysia Ibu Pejabat dan Negeri-negeri. Terima kasih juga kepada urusetia-urusetia PLANMalaysia Ibu pejabat dan PLANMalaysia Negeri-negeri kerana bersabar dengan kami untuk menguruskan pemilihan wakil MSIA dan ulasan-ulasan mereka.

Penghargaan kepada panel penilai SIA di Jawatankuasa Panel Penilai SIA

Sekalung penghargaan juga kepada Jawatankuasa Keahlian yang telah menambah ramai ahli-ahli baharu yang berkualiti, dengan penambahan bersih 71 orang ahli sepanjang 2 tahun terakhir ini. Semua permohonan pemohon yang memenuhi syarat permohonan yang lengkap berserta perincian pengalaman dan tandatangan pencadang dan penyokong akan diproses serta mesyuarat jawatankuasa keahlian di buat sekurang-kurangnya sekali dalam dua bulan bagi mempercepatkan permohonan.

Penghargaan kepada Jawatankuasa Keahlian

Kadar kelulusan permohonan keahlian sejak 4 tahun ini adalah 98.1 peratus. Adalah tidak benar sama sekali disebut yang MSIA menyukarkan permohonan keahlian melainkan pemohon itu sendiri gagal mengisi borang dengan sempurna serta tidak menyertakan tandatangan pencadang dan penyokong. 50% dari ahli jawatankuasa keahlian juga merupakan ahli biasa MSIA dan boleh mengesahkan ketelusan kita.

Kadar kelulusan permohonan keahlian

Jawatankuasa Penerbitan juga telah bergiat aktif sejak pertengahan tahun lalu dan telah berjaya menghasilkan sebanyak 12 MSIA *reading series* dari pelbagai topik berkaitan SIA, yang kebanyakannya bertitik tolak dari webinar yang telah dijayakan.

Penghargaan kepada Jawatankuasa Penerbitan

dan dan juga sebuah buku MSIA yang akan kita lancarkan hari ini untuk tatapan dan rujukan semua penggiat Penilaian Impak Sosial di Malaysia.

Dengan kesempatan yang ada ini, saya juga ingin menzahirkan penghargaan setinggi-tingginya kepada PLANMalaysia Ibu Pejabat dan PLANMalaysia negeri-negeri kerana telah mengiktiraf peranan MSIA dalam pembangunan SIA di Malaysia. Penghargaan khusus juga kepada PLANMalaysia Terengganu kerana telah menjayakan kerjasama mengadakan Simposium SIA 2023 bersama MSIA pada 27 dan 28hb Februari 2023.

Hubungan MSIA dengan PLANMalaysia

Kerjasama menang-menang yang di susun bersama institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Jawatankuasa Komunikasi Strategik telah mula membuah hasil melalui projek dan program bersama di peringkat wilayah dalam usaha memperkasakan pengetahuan dan kemahiran ahli dan masyarakat Malaysia, dan ini termasuklah UniSZA di Wilayah Timur dan USM di Wilayah Utara. MSIA perlu meneruskan kerjasama erat berterusan dengan jabatan dan agensi kerajaan di semua peringkat, termasuk di Wilayah Sabah dan Sarawak.

Hubungan MSIA dengan IPTA/ agensi

Dengan kemasukan lebih ramai ahli dari Sabak dan Sarawak ke dalam MSIA akan meningkatkan peluang melaksanakan lebih banyak program pada masa hadapan. MSIA berterima kasih kedua dua orang ahli Exco mewakili Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak iaitu Dr Gaim dan Dr Haslina yang telah membuka peluang-peluang melebarkan sayap MSIA di sana.

Keahlian dari Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak

Sekalung penghargaan kepada Land and Custody Development Authority Sarawak dan Pengurus Kanannya En Saiful Bahary Amra Ramli yang telah menjadi perintis kerjasama erat MSIA dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Dan semua ini adalah usaha berterusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Komunikasi Strategik. Terima kasih saya ucapkan.

Penghargaan kepada LCDA dan Jawatankuasa Komunikasi Strategik

Y.Bhg Puan Sri, Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-dr, tuan-tuan dan puan-puan,

Ahli MSIA harus melibatkan diri secara aktif sebagai perunding dan penilai dalam kajian-kajian SIA dan perlu terus menghadiri keperluan latihan untuk menempatkan diri dalam kalangan ahli professional SIA yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten, tepat dengan keperluan dan perkembangan terkini.

Sasaran kualiti perkhidmatan ahli MSIA

Saya pada mesyuarat agung dua tahun lalu pernah meletakkan sasaran kepada sekurang-kurangnya 30% ahli menjadi ahli professional. Walau bagaimanapun, sasaran ini nampaknya masih belum dapat dicapai, lebih-lebih lagi dengan syarat-syarat kelulusan yang agak ketat dan kebanyakan ahli masih belum memenuhi syarat 2 tahun menjadi ahli biasa terlebih dahulu. Sudah pastilah kekangan ini disumbangkan oleh ketidakcukupan penglibatan dalam sekurang-kurangnya 5 projek SIA, apatah lagi dengan kepentingan dan kerancakan SIA yang bermula hanya kira-kira selepas tahun 2017 di

Sasaran ahli professional

Dengan kepimpinan dinamik PLANMalaysia kini, SIA telah terus di angkat ke arah amalan professionalisma dengan program kursus kompetensi digerakkan bagi menapis ahli professional di bidang SIA yang layak mengemukakan laporan SIA untuk projek pembangunan. Kita di MSIA mengalu-alukan langkah tersusun ini dan telah turut sama membantu menjayakannya sebagai ahli jawatankuasa. Kita juga berharap ahli-ahli yang telah melengkapkan kehadiran di dalam bengkel MSIA bagi 3 tahap kemahiran iaitu *beginner*, *intermediate* dan *advance* akan mendapati diri mereka lebih bersedia untuk melepasi tahap ujian kompetensi di PLANMalaysia.

Program Kursus Kompetensi dan Kesiediaan Ahli

Kita juga menyambut baik pelancaran PPSIA iaitu Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan oleh PLANMalaysia Ibu Pejabat yang akan menjadi bahan rujukan penting pelaksanaan SIA di Malaysia. MSIA terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyediaan dokumen ini dan kami sangat menghargai peluang untuk mengemaskan gerak kerja pelaksanaan SIA di Malaysia secara lebih tersusun.

Pelancaran
PPSIA dan
peranan MSIA

Selepas ucapan ini, kami akan membentangkan Laporan Tahunan MSIA 2021/2023 dan di akhir pembentangan itu, ahli jawatankuasa eksekutif semasa akan dibubarkan. Dengan pembubaran ini, saya ingin meminta maaf kepada semua ahli bagi pihak diri saya dan ahli-ahli Exco, jika sepanjang 2 tahun ini kami ada melakukan kesilapan atau secara tidak sengaja telah membelakangkan kepentingan-kepentingan ahli semasa pembuatan keputusan. Kami berbangga kerana telah diberi peluang untuk berkhidmat kepada ahli-ahli semua.

Rakaman terima
kasih

Dengan perlantikan ahli jawatankuasa eksekutif yang baharu, kami berharap apa yang telah kami mulakan dapat diteruskan sehingga jaya selaras dengan aspirasi Pertubuhan. Kerjasama dan komitmen Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan akan dibalas dengan kejayaan profesion ini pada masa hadapan. Insha Allah.

Harapan kepada
Exco Baharu
Menyambung
Tugas

Kehadapan, kita ingin terus melihat SIA diurusperdanakan oleh semua sektor pembuatan keputusan termasuk dalam sektor hartanah, perladangan dan perhutanan, diterima baik oleh ahli masyarakat di seluruh negara sebagai satu dari proses perancangan penting mencapai pembentukan KOMUNITI MADANI, INKLUSIF DAN BAHAGIA.

Harapan tentang
perkembangan
SIA di Malaysia

Kesedaran tentang kepentingan SIA yang lebih baik di kalangan orang awam dan kemahiran lebih mendalam tentang praktis penyediaan, penilaian dan pemantauan SIA di kalangan perunding dan pembuat keputusan penting untuk meletakkan SIA di kedudukan yang wajar sebagai satu alat pembuatan keputusan dalam proses perancangan di negara ini.

Dengan izin Allah Azawajalla, pencipta seluruh alam, saya mengakhiri ucapan aluan saya untuk Mesyuarat Agung kali ke-18, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia pada hari ini dan saya mengucapkan selamat maju jaya di dalam proses pemilihan jawatankuasa eksekutif MSIA yang baharu. Semoga Allah bersama kita semua.

Akhir ucapan

Assalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.

TPr Herlina bt Ab. Aziz Presiden MSIA

2021/2023